

0708

U 8877 AAB
UMNO - MAHATHIR RRRRR

KUALA LUMPUR, 4 FEB (BERNAMA) -- KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI PETANG INI BAHAWA UMNO TIDAK SAH DAN PERHIMPUNAN AGUNG SERTA PEMILIHAN PADA 24 APRIL LEPAS JUGA TIDAK SAH DI SISI UNDANG-UNDANG, TIDAK MENJEJASKAN PENTADBIRAN KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MALAM PENGHARGAAN EDARAN OTOMOBIL NASIONAL BERHAD (EON) DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA, BELIAU JUGA KEKAL SEBAGAI PERDANA MENTERI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BAGAIMANAPUN BEBERAPA KALI BERKATA BELIAU BELUM LAGI MEMBACA LAPORAN PENUH MENGENAI KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI ITU.

DITANYA SAMA ADA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG DIJADUALKAN PADA 13 FEB AKAN DIADAKAN, BELIAU BERKATA: +MACAM MANA HENDAK DIADAKAN KERANA UMNO TELAH DIISYTIHARKAN TIDAK SAH.+

KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU MAHU SUPAYA SEMUA ANGGOTA UMNO BERTENANG MENERIMA KEPUTUSAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN SEKARANG, MELAINKAN SETELAH MEMBACA LAPORAN PENUH KEPUTUSAN MAHKAMAH ITU.

+BERILAH SAYA PELUANG UNTUK MEMBACA KEPUTUSAN ITU DAHULU SEBELUM MEMBERI ULASAN SELANJUTNYA,+ KATANYA. -- LAGI.
0042MST 05 02 88

0709

U 8878 AAB
UMNO - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR RRRRR

APABILA DITANYA SAMA ADA UMNO AKAN MENGADAKAN MESYUARAT TERGEMPAR BAGI MEMBINCANG PERKARA ITU, BELIAU BERKATA= +MESYUARAT TERGEMPAR TIDAK AKAN DIADAKAN KALAU UMNO DIISYTIHARKAN TIDAK SAH.+

KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, DATIIN PADUKA RAFIDAH AZIZ YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN JUGA ENGGAN MEMBERI ULASAN MENGENAI PERKARA ITU.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID JUGA ENGGAN MENGULAS PERKARA ITU KERANA +MASIH BELUM MEMBACA LAPORAN PENUH MENGENAI KEPUTUSAN MAHKAMAH ITU.+ -- BERNAMA.
0046MST 05 02 88